



ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN

ISLAM







ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN
ISLAM

JILID 2

ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN
ISLAM

JILID 2
(AIDIL FITRI – AL-ARQAM)



ANZAGAIN 
S D N B H D 190597-K

KUALA LUMPUR

ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN
ISLAM

JILID 2

© ANZAGAIN SDN BHD

Cetakan Pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada ANZAGAIN SDN BHD. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ensiklopedia kesenian & warisan Islam

Mengandungi rujukan bibliografi dan indeks

ISBN 978-983-037-220-4 (Jil. 1)

ISBN 978-983-037-221-1 (Jil. 2)

ISBN 978-983-037-222-8 (Jil. 3)

ISBN 978-983-037-223-5 (Jil. 4)

ISBN 978-983-037-224-2 (Jil. 5)

ISBN 978-983-037-225-9 (Jil. 6)

ISBN 978-983-037-226-6 (Jil. 7)

ISBN 978-983-037-227-3 (Jil. 8)

ISBN 978-983-037-228-0 (Jil. 9)

ISBN 978-983-037-229-7 (Jil. 10)

ISBN 978-983-037-230-3 (Jil. 11)

ISBN 978-983-037-231-0 (Jil. 12)

ISBN 978-983-037-232-7 (Jil. 13)

ISBN 978-983-037-233-4 (Jil. 14)

1. Islam-Encyclopedias.

297.03

Diterbitkan oleh:

Anzagain Sdn. Bhd.

No. 9, Jalan Bukit Badung 26/4

Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5191 8709, 5192 0396 Faks: 603-5191 0396

Email: anzagainsdnbhd@yahoo.com

Dengan Kerjasama:

Yayasan Pembangunan Buku Negara

Akademi Buku Malaysia

Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad

Book Digital Sdn. Bhd

KDEB Anzagain Sdn. Bhd

VDSL Network Sdn. Bhd

Dar Al-Kitab, Lebanon

Dar Al-Shorouk, Kaherah

Dicetak oleh:

Percetakan Surya Sdn. Bhd.

Dijilid oleh:

Book Digital Sdn. Bhd.

297.03
 ENS



AIDIL FITRI


Perayaan utama dalam agama Islam. Orang yang beragama Islam merayakan dua jenis hari raya yang terbesar dalam setahun, iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, selain daripada hari perayaan yang lain. Kedua-dua jenis hari raya ini adalah hari perayaan yang berbentuk keagamaan, sosial dan juga tradisi.

Hari Raya Aidilfitri disambut pada setiap 1 Syawal, tahun Hijrah. Hari raya ini dikenali juga sebagai Hari Raya Puasa atau Hari Raya Fitrah kerana ia disambut setelah orang Islam menunaikan ibadat puasa sepanjang bulan Ramadan dan membayar zakat fitrah sebelum hari raya.

Terdapat dua cara untuk menentukan tarikh hari raya, iaitu nisab dan rukhyah. Di Malaysia, tarikh Hari Raya Aidilfitri ditentukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Raja-Raja Melayu melalui radio, televisyen dan alat sebaran am yang lain.

Biasanya tarikh melihat anak bulan itu ialah pada 29 Ramadan; di sebelah petang sewaktu matahari hampir terbenam. Tempat melihat terbitnya dan orang yang akan melihatnya ditentukan oleh Kerajaan atau Majlis Agama Islam. Sama ada anak bulan kelihatan pada petang itu atau tidak kelihatan maka Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu akan menetapkan dan mengisytiharkan tarikh Hari Raya Aidilfitri.

Di sesetengah tempat, pada malam hari raya itu, selepas sembahyang Isyak penduduknya akan berkumpul di masjid atau surau. Kemudian mereka mengadakan sambutan secara bertakbir dari rumah ke rumah dan membaca doa kesyukuran atau doa selamat. Umat Islam juga digalakkan bersembahyang tarawih pada setiap malam sepanjang bulan Ramadan, iaitu selepas berbuka puasa dan sembahyang Isyak.



"Supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana telah memberi petunjuk-Nya kepada kamu dan supaya kamu bersyukur."

Surah al-Baqarah: 185.



Bermaafan sesama insan adalah amalan yang mulia. Amalan ini sering dilakukan pada hari raya aidil Fitri, Namun begitu, bermaaf-maafan ini perlu diamalkan setiap masa. Mereka yang muda meminta maaf pada yang tua, begitu juga sebaliknya.



"Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan lalu diiringi dengan puasa enam hari di bulan Syawal, seolah-olah dia telah berpuasa setahun." Hadis riwayat Muslim





AIDRUSIYAH

Nama tarekat yang masyhur di kalangan orang Arab Alawi. Nama tersebut berasal daripada suku Arab Selatan yang banyak melahirkan para sufi. Pengasas tarekat ini adalah Abu Bakar bin Syeikh Abdullah al-Aidrus yang dilahirkan di Tarim. Beliau seorang yang salih dan hafiz, belajar ilmu lahir dan batin serta telah memperoleh sijil atau khirqah. Salasilah tarekatnya terus bersambung hingga kepada Syazili, Ibnu Maghribi, Abu Madyan, Abdul Qadir Jailani dan Imam Suhrawardi.

Ketika berusia 20 tahun, Abu Bakar dididik dalam dunia tasawuf oleh saudaranya serta banyak bergaul dengan bapa saudaranya, Syeikh Umar al-Mahdar yang membimbingnya terus menuju jalan sufi. Bapa saudaranya banyak mempengaruhi jiwanya. Beliau mengatakan bahawa bapa saudaranya mengurniakan kepadanya tiga tangan, iaitu tangan Nabi Muhammad s.a.w. mengenai tarekat Kasyaf, tangan Syeikh Abdul Rahman Saqqaf dan tangan Rijal Ghaib.

Tokoh lain dari tarekat Aidrusiyah adalah Syeikh Abdul Rahman bin Mustafa al-Aidrusiyah. Syeikh Abdul Rahman pertama sekali mendapat sijil daripada ayah dan datuknya. Sementara itu, beliau belajar fikah daripada Abdul Rahman bin Abdullah Bil-faqih. Pada tahun 1153, beliau berangkat ke India, bertemu dengan tokoh tarekat Aidrusiyah, yang kemudian mendidiknya dalam tarekat zikir sehingga beliau mendapat sijil. Pada tahun 1158, beliau berangkat ke Mesir dan mengajar tarekat Aidrusiyah di sana. Antara muridnya ialah seorang tokoh sufi yang terkenal di Mesir, Abdul Rahman bin Sulaiman al-Misri.

Ahli Sufi yang hakiki dapat dikenali dengan dua cara:

Pertama, zahir mereka, iaitu mereka mengamalkan syari'at.

Kedua, batin mereka, iaitu boleh dijadikan contoh teladan kerana mereka mewarisi kerohanian Nabi s.a.w. Sebenarnya contoh manusia yang paling baik ialah Nabi Besar Muhammad s.a.w. Dialah sebenarnya Sufi yang hakiki. Syari'at dan hakikat hendaklah bersama seiring jalan untuk kesinambungan agama dalam kehidupan mukmin dan mukminah sejati.

AIN AL-QUDAH (1098–)

Seorang ahli sufi. Nama sebenarnya Abu al-Maali Abdullah bin Abi Bakar Muhammad bin Ali al-Miyanaji al-Hamazani. Beliau dilahirkan pada tahun 1098 di Hamazan. Beliau berasal daripada keluarga terpelajar yang berasal daripada Miyanaj, Azerbaijan. Dalam usia muda, beliau telah menguasai hampir semua bidang ilmu pengetahuan seperti tafsir, hadis, fikah, teologi, sastera Arab, logik dan falsafah. Dalam bidang fikah, beliau menganut Mazhab Shafii. Pengetahuan yang mendalam dalam bidang fikah membolehkan beliau memenuhi syarat untuk menjadi hakim.

Ain al-Qudah pernah merasa kebingungan apabila memikirkan tentang kebenaran Tuhan. Setelah menelaah tulisan al-Ghazali selama empat tahun terutamanya kitab *Ihya Ulum ad-Din* mata hatinya mulai terbuka. Beliau bersama bapanya ikut serta dalam halakah Ahmad al-Ghazali. Kemudian, Ain al-Qudah dan Ahmad al-Ghazali saling berkirim surat dan mengadakan perjumpaan. Selain itu, Ain al-Qudah juga pernah berguru dengan ahli sufi lain seperti Abu Abdillah Muhammad al-Juwaini, pengarang buku *Salwat at-Talibin*.

Ain al-Qudah juga merupakan seorang penulis. Beliau mula menulis ketika berusia 14 tahun. Risalah yang ditulisnya berjumlah lebih kurang 19 buah. Kebanyakan tulisannya berkait dengan bidang tatabahasa, ilmu pengiraan, falsafah, teologi, tafsir dan tasawuf.

Antara risalah yang dapat dijumpai ialah: *Zubdat al-Haqq* (tentang falsafah dan teologi), *Tamhidat* (tentang tasawuf), *Maktubat* (surat-suratnya), *Syakwa al-Garib* (merupakan pembelaan diri), *Syarih Kalimat Qisar Baba Tahir* (sebuah istilah daftar istilah tasawuf), *Risala-yi Yazdan-Sinakht* (mengenai pengetahuan tentang Tuhan), dan *Risala-yi Lawaih* (tentang cinta kepada Tuhan).

Selain itu, Ain al-Qudah juga pandai berce-ramah. Oleh itu, beliau dikenali dan mempunyai ramai pengikut. Terdapat pengikutnya yang menyatakan bahawa beliau dapat melakukan pelbagai perbuatan keramat. Disebabkan itu sebahagian ulama menuduhnya menyimpang daripada kebenaran dan mereka tidak bersetuju dengan beliau.

Akhirnya beliau dihukum bunuh oleh penguasa. Sewaktu dalam penjara di Baghdad, beliau telah menulis buku yang bertajuk *Syakwa al-Garib*.